

Minat dorong suami isteri genggam ijazah sarjana

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Minat mendalam terhadap bidang kejuruteraan mendorong pasangan suami isteri bertekad meneruskan pengajian ke peringkat sarjana bersama-sama sehingga kedua-duanya dinobatkan sebagai pelajar cemerlang dalam Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-38 hari ini.

Pasangan itu, **Nur Hazirah Zaini**, 29 dan suaminya, **Eman Sadeq Md. Sadeq**, 29, menerima Ijazah Sarjana Pengurusan Kejuruteraan dengan keputusan purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.81 dan 3.73 yang disampaikan Pro-Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail.

Menurut Nur Hazirah, rumah tangga yang didirikan sejak 2011 itu tidak menghalang niatnya dan suami mencapai kejayaan biarpun terpaksa menempuh pelbagai cabaran untuk membahagikan masa antara pelajaran dengan menjalani kehidupan sebagai pasangan yang sudah berkahwin.

“Walaupun mod pengajian saya sepuh masa manakala suami separuh masa, kami beruntung kerana dapat belajar dalam satu kelas, satu bidang, malah kebiasaannya kami bergandingan menyiapkan tugas berkumpulan mahupun individu.

“Tetapi memandangkan suami saya bekerja, selalunya saya akan ke kelas sendiri pada waktu petang menaiki tren dan kami akan berjumpa di fakulti. Pada waktu pagi pula, saya akan membuat kerja rumah dan menyiapkan keperluan suami,” katanya ketika ditemui



NUR HAZIRAH ZAINI (kiri) dan Eman Sadeq Md. Sadeq melihat ijazah sarjana yang diperoleh mereka selepas Majlis Konvokesyen ke-38 di UPM Serdang, Selangor, semalam.

dalam majlis tersebut di sini.

Dalam pada itu, **Eman Sadeq** yang juga seorang jurutera di sebuah syarikat elektronik berkata, sikap saling memahami dan bertukar pendapat serta memberi dorongan antara satu sama lain membuatkan pengajian mereka berjalan lancar.

Sementara itu, bagi pengusaha butik pakaian wanita, **Nurul Izzati Abd. Halim**, 23, yang menerima Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dalam majlis sama Ahad lalu berpendapat, menjadi usahawan ketika masih belajar tidak pernah menghalangnya untuk berjaya dalam pelajaran.

“Terpaksa berulang-alik setiap

minggu untuk menguruskan perniagaan di Semenyih dan dalam masa sama menumpukan perhatian pada pelajaran memang suatu menatkan sehingga tiada masa untuk bersama-sama kawan-kawan, namun itulah yang harus saya korbankan untuk berjaya dalam hidup.

“Kunci utama adalah minat dan bagaimana kita mengatur masa dengan baik serta mengendalikan setiap perkara secara efisien. Tidak dinafikan jadual pengajian padat dan tugas yang terpaksa disiapkan mengikut masa kadangkala menggugat semangat, tetapi dengan dorongan dan kecekalan tinggi, pasti dapat diatasi,” katanya.